

# Dr. M. dijangka pengerusikan mesyuarat Umno

KUANTAN, Selasa — Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Ogos ini dan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Inilah kali pertama Datuk Seri Dr. Mahathir memengerusikan mesyuarat itu, sejak beliau mengambilalih jawatan pengerusi badan perhubungan dari Tun Hussein baru-baru ini.

Bagaimanapun, menurut sumber-sumber di sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menghadapi cabaran kerana kemungkinan besar terdapat ura-ura undi tidak percaya akan dikemukakan oleh enam Ketua Bahagian UMNO Pahang terhadap Menteri Besar, Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.

Sumber-sumber itu juga berkata, usaha itu hendak dijalankan kerana mereka dikatakan tidak mahu lagi Haji Abdul Rahim sebagai Menteri Besar Pahang serta sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan.

Usaha seperti itu juga adalah sebagai ekoran dari usaha setengah golongan yang dikatakan telah berjaya menggagalkan mesyuarat per-

hubungan pada 11 April lalu yang sepatutnya dipengerusikan oleh Haji Abdul Rahim.

Hanya lima orang sahaja termasuk Haji Abdul Rahim serta Ketua Bahagian UMNO Raub, Tengku Mustapha bin Tengku Sati telah menghadiri mesyuarat yang gagal itu.

Sumber-sumber itu berkata, usaha itu juga hendak dijalankan kerana Haji Abdul Rahim masih memegang jawatan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan, oleh itu adalah dirasai bagi setengah golongan untuk mendapat tempat bagi pilihanraya akan datang.

Haji Abdul Rahim tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan komen usaha-usaha ketua bahagian tersebut. Haji Abdul Rahim juga adalah Bendahari Badan Perhubungan itu.

Selain Pengerusi dan Timbalannya, kesemua 14 orang lagi ahli jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Pahang dipercayai akan hadir di mesyuarat itu nanti.

Bagaimanapun, belum dapat dipastikan apakah perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu tetapi adalah dipercayai soal kepentingan politik UMNO Pahang akan menjadi tajuk perbincangan.

Selain itu, soal kepentingan UMNO Pahang juga dijangka akan dibincangkan.